

MEMO KOLEJ 17

1 Mei 2019

MASALAH PARKIR KERETA DAN PENGGUNAAN SEMULA PINTU PALANG

Adalah dimaklumkan bahawa tempoh sesi percubaan parkir bebas akan tamat pada akhir semester ini. Pihak pengurusan Kolej 17 berpendapat keadaan parkir tidak lagi terkawal. Sungguhpun penguatkuasaan kunci roda dilaksanakan, namun pendekatan ini gagal mendidik pemandu agar berhemah, bertimbang rasa dan bertanggungjawab. Keadaan ini telah memberi kesukaran kepada penghuni kolej yang lain, aliran bas dan akses perkhidmatan kecemasan.

Pihak pengurusan kolej bersama wakil pelajar telah bersetuju mengaktifkan semula pintu palang di laluan masuk Kolej 17 berkuatkuasa **1 Julai 2019** secara automatik. Penggunaan kad pengenalan (warganegara)/touch-n-go (bukan warganegara) sebagai kad akses akan dikuatkuasakan pada semester hadapan.

Justeru itu, pelajar yang ingin meletakkan kenderaan di dalam kawasan kolej diwajibkan memohon kelulusan. Borang permohonan boleh dimuat turun daripada laman sesawang dan facebook kolej atau diambil daripada pejabat am Kolej 17 dan **diserahkan di kaunter pejabat selewatnya pada 20 Mei 2019**. Kriteria pemohon dan syarat parkir adalah seperti di Lampiran A. Senarai nama pemohon yang berjaya akan **dipamerkan diluar pejabat am Kolej 17** sebelum berakhir semester ini. Pastikan anda mengambil **pelekat kenderaan** dari pejabat am Kolej 17 **sebelum bercuti**.

LAMPIRAN A

KRITERIA PEMILIK KENDERAAN YANG LAYAK MEMOHON DAN SYARAT PEMBERIAN KEMUDAHAN RUANG PARKIR KERETA DI KOLEJ 17, UPM Sesi 2019/2020

Kriteria Utama :

Memenuhi syarat permohonan pelekat kenderaan universiti yang ditetapkan oleh Bahagian Keselamatan UPM (BKUPM).

Kriteria Kolej :

1. Pelajar **tahun akhir** pengajian bachelor.
2. **Tidak pernah** dikenakan tindakan tatatertib, digantung pengajian atau dilarang berada dimana-mana kawasan universiti.
3. Mempunyai jumlah mata demerit **tidak melebihi 10** sepanjang menginap di Kolej 17.
4. Penglibatan serta sumbangan **tinggi dalam aktiviti sistem kolegiat**. Sistem *merit ranking* akan digunakan dalam pemilihan dimana nama pemohon yang aktif disusun berdasarkan mata merit tertinggi kepada yang terendah dengan mengambil kira aktiviti dibawah semua sekretariat. Kaedah ini bukan sahaja akan memilih pemohon yang tinggi mata merit tetapi juga mengambil kira penglibatan dalam setiap sekretariat kolej.

LAMPIRAN A (sambungan)

Syarat Pemberian Kemudahan Parkir:

1. Kelulusan yang diberikan adalah sah untuk **satu sesi** pengajian sahaja.
2. Pelekat UPM dan Kolej 17 hendaklah **sentiasa dipamerkan** pada cermin hadapan kereta.
3. Kereta hendaklah diletakkan di **petak parkir** sahaja. Tidak dibenarkan meletakkan kenderaan di bahu jalan atau mana-mana tempat selain petak parkir.
4. Pemilihan petak parkir adalah **bebas** tetapi **tidak dibenarkan** meletak kereta dipetak parkir yang telah **dikhaskan** (OKU, pengetua, pengurus, staf, felo, MTM, pelawat atau penceramah).
5. Pihak pengurusan Kolej 17 berhak mengunci dan mengenakan denda bayaran serta/atau menarik balik kelulusan yang diberikan sekiranya syarat dan kriteria kemudahan parkir **tidak dipatuhi**.
6. Arahan ini **tertakluk kepada perubahan** dari semasa ke semasa.